

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : LAWATAN KE PONDOK TOK SELEHOR YAYASAN DARUL-HANAN
Lokasi : TUMPAT, KELANTAN
Tarikh : 12-04-2002

Saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan berkatNya dapat kita bersama-sama hadir pada majlis yang mulia ini.

2. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Dusuki dan isterinya kerana sudi menjemput saya hadir di pondok beliau. Ini merupakan satu penghormatan besar bagi diri saya kerana dapat bersama-sama dengan penghuni di sini iaitu orang tua yang tidak berwaris, anak-anak yatim dan keluarga miskin yang berada di bawah jagaan Yayasan Darul Hanan.

3. Keamanan dan kesejahteraan di negara kita ini adalah antara lain disebabkan semangat perpaduan dan sifat hormat menghormati antara satu sama lain di kalangan rakyat berbilang kaum. Ini membolehkan Kerajaan memberi tumpuan penuh kepada program-program pembangunan untuk kesejahteraan rakyat tanpa sebarang masalah atau halangan dari mana-mana pihak.

4. Di Malaysia kita dapati rakyat hidup tanpa merasa sebarang kebimbangan terhadap keselamatan. Tidak ada yang menyebabkan kita runsing atau gelisah. Tidak kedengaran di kalangan rakyat bahawa ada yang mati kelaparan, yang hidup tanpa makan atau minum. Ini adalah kerana segala-segalanya terjaga dan di bawah perhatian dan tanggungjawab Kerajaan. Sekolah-sekolah disediakan di setiap kampung bagi anak-anak yang ingin belajar; bagi mereka yang ingin beribadah, Kerajaan telah menyediakan masjid dan surau; yang sakit pula disediakan klinik dan hospital di setiap daerah; mereka yang ingin berniaga disediakan peluang perniagaan; orang tua yang tidak berwaris, anak-anak yatim dan yang miskin diberi bantuan oleh Jabatan Kebajikan. Justeru itu, kita harus bersyukur di atas nikmat yang diterima. Juga tidak kurang ialah terdapat orang-orang kaya di kalangan kita yang tidak keberatan menghulurkan derma untuk membantu yang daif dan yang miskin.

5. Saya dimaklumkan bahawa kejayaan Yayasan Darul Hanan untuk menyediakan pondok-pondok, madrasah dan kemudahan asas di Pondok Tok Selehor ini adalah kerana derma dan bantuan yang dihulurkan oleh mereka di kalangan yang berada di antara kita.

6. Datin Nik Nooraini yang mempunyai kelas-kelas agama di Kuala Lumpur sering menerima kunjungan daripada murid-muridnya. Ramai antara mereka telah mengambil anak-anak yatim sebagai anak angkat dan menjadikan orang tua di sini sebagai keluarga angkat mereka. Saya mengucapkan syabas kepada usaha-usaha mereka ini yang tidak keberatan untuk membantu anak-anak yatim ini. Semoga Allah S.W.T. memberkati usaha-usaha mereka.

7. Amalan kebajikan yang murni ini merupakan satu tanggungjawab sosial yang harus dipikul oleh kita semua. Kita tidak boleh mengharap orang lain untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Memang benar ia menjadi sebahagian daripada tanggungjawab Kerajaan sebagai pemerintah dalam membantu rakyat yang tidak bernasib baik. Tetapi sebagai rakyat yang prihatin kita tidak harus melepaskan tanggungjawab itu bulat-bulat kepada Kerajaan. Saya gembira ramai dari kalangan kita begitu prihatin terhadap masalah dalam masyarakat kita.

8. Ada ramai di kalangan kita yang bersedia untuk memberi bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik.

9. Kita harus menerima hakikat bahawa Allah S.W.T. jadikan manusia berbeza-beza. Ada yang putih dan ada yang hitam; ada yang kecil dan ada yang besar; ada yang kaya dan ada yang miskin; ada yang lemah dan ada yang kuat, ada yang bekerja menjadi peneroka, petani, nelayan, polis tentera, guru, doktor, pegawai pentadbir dan sebagainya. Keadaan yang berbeza-beza ini adalah hikmah Allah. Hanya Allah saja yang mengetahui.

10. Namun demikian tidak ada seorang pun di kalangan kita yang boleh dianggap tidak bernasib baik

atau tidak beruntung. Yang penting dalam hidup kita ini adalah kerjasama antara satu sama lain dan hidup bermuafakat.

Di antara satu sama lain mesti ada sifat tolong menolong dan bantu membantu. Orang kaya membantu dengan hartanya; orang miskin membantu dengan doanya; orang muda membantu dengan tenaganya; orang tua membantu dengan pengalamannya; orang alim membantu dengan ilmunya; orang politik membantu dengan kuasa yang ada padanya.

11. Mereka yang bekerja sebagai nelayan di Selehor, Tumpat ini tidak mungkin dapat makan nasi jika tidak ada kerjasama dan usaha untuk tukar menukar dengan orang yang bekerja sebagai petani yang kerjanya menanam padi.

12. Inilah yang dimaksud oleh Allah S.W.T., firmanNya dalam al-Quran yang bererti: "Tolong menolonglah dalam melakukan kerja-kerja kebajikan dan takwa dan jangan sekali-kali melakukan tolong menolong dalam melakukan kerja-kerja dosa dan perseteruan".

13. Sebelum mengakhiri ucapan ringkas ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Haji Noor Zaidi yang telah mendermakan sekeping tanah bersempadan dengan pondok ini untuk kebajikan kepada orang-orang tua dan anak yatim di bawah jagaan Yayasan Darul Hanan.

14. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Dato' Dusuki dan isterinya Datin Nik Nooraini, keluarganya dan anak cucu Tok Selehor yang telah berusaha untuk mengadakan rumah kebajikan ini.

Saya berdoa dan berharap para penghuni Darul Hanan akan dapat meneruskan hidup mereka dengan penuh selesa dan bahagia.